



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (25)

Tarikh : 18 Julai 2013

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM OPS RAYA DAN KEMPEN ANTI LITTER SEMPENA MUSIM PERAYAAN 2013

Sungai Besi, 18 Julai 2013- YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada petang ini telah melancarkan program Ops Raya dan Kempen *Anti Litter* sempena musim perayaan 2013 anjuran Kementeriannya di Plaza Tol Sungai Besi. Ops Raya 2013 buat julung kalinya diadakan secara bersepadu diantara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Jelas beliau, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan memulakan Ops Raya pada 1 hingga 18 Ogos di 16 lokasi yang berisiko. Ops Raya pada tahun ini akan melibatkan seramai 9,100 pegawai (71% pegawai bertugas) daripada 13,000 anggota (29% anggota menjalankan tugas pentadbiran) yang akan bertugas selama 24 jam secara giliran.

Ops Raya pada tahun ini akan menggunakan jentera *Light Fire Rescue Tender LFRT*), *Rapid Intervention Motorcycle (RIM)* dan *Rapid Rescue Vehicle (RRV)*. Sejar dengan itu katanya lagi, sebanyak 267 buah balai bomba akan terlibat dalam Ops Raya, membuat rondaan di jalan Persekutuan, Jalan Bandaran dan lain-lain jalan sepanjang tempoh ini. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan agensi penyelamat utama bagi menangani insiden yang melibatkan kebakaran, kemalangan; 'Road Traffic Accident' (RTA) dan bahan kimia berbahaya (Hazmat). Sikap

pengguna jalan raya yang tidak berhemah juga menyumbang kepada faktor kemalangan jalanraya, mengikut statistik ops raya yang telah dikendalikan oleh jabatan pada tahun 2010 telah mengorbankan 47 nyawa. pada tahun 2011 sebanyak 29 dan pada tahun 2012 sebanyak 28 nyawa telah terkorban. Kita memandang serius perkara ini, ujarnya. Begitu juga dengan kebakaran yang berlaku semasa musim perayaan dimana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima panggilan sebanyak 977 kes pada tahun 2010, 1253 kes pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 sebanyak 2369 panggilan telah diterima.

Kita berharap dengan Ops Raya ini akan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya kebakaran dan kemalangan jalanraya. Katanya lagi, kempen ini akan dapat membendung kehilangan nyawa dan harta benda. Tambahnya lagi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengambil langkah-langkah keselamatan dengan mengadakan program pencegahan kebakaran dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti penghapusan kebakaran sempena musim perayaan Aidilfitri khususnya di premis utama yang menjadi tumpuan orang ramai iaitu, pusat membeli belah, bangunan dewan perhimpunan dan bangunan asrama serta hotel. Ujarnya lagi, program ini akan memberikan kesedaran dan kesejahteraan kepada orang ramai mengenai kecelakaan kebakaran yang boleh mengorbankan nyawa dan harta benda.

Beliau kemudian bersama-sama dengan pengurusan tertinggi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyerahkan pelekat kenderaan berkaitan *anti litter*, risalah pengurangan sisa makanan serta bubur lambuk kepada pengguna-pengguna lebuhraya yang melalui tol Sungai Besi. Abdul Rahman berkata sikap gemar membuang sampah-sampah kecil (*littering*) di kalangan rakyat Malaysia dilihat semakin serius. Rakyat Malaysia didapati cenderung membuang sampah-sampah kecil seperti kertas tisu, pembungkus gula-gula, bekas minuman, plastik dan lain-lain dari dalam kenderaan tanpa memikirkan kesan yang tidak baik kepada alam sekitar. Katanya, 'kita tidak mahu pertambahan kenderaan ke destinasi

masing-masing menjelang perayaan ini juga akan menyebabkan penambahan sampah di atas jalan raya.

Malah sikap membuang sampah tidak ditempat yang sepatutnya juga dilihat saban hari semakin meruncingkan. Sikap tersebut bukan sahaja menjejaskan persekitaran malah boleh menyebabkan gambaran yang tidak bagus kepada pelancong luar terutamanya di kawasan tarikan pelancong disaat kita sedang memfokuskan Tahun Melawat Malaysia pada 2014 nanti. Abdul Rahman berkata Kementeriannya melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara komited bagi memastikan penjanaan sisa pepejal yang berlebihan terutamanya ketika bulan ramadhan dan hari raya nanti dapat dikawal. Amalan pembaziran makanan dalam masyarakat kita hari ini masih tinggi. Budaya membeli dan memasak melebihi keperluan dan tidak menghabiskan makanan dapat dilihat dimana-mana sahaja.

Menurutnya lagi statistik menunjukkan 45% dari jumlah sisa pepejal di Malaysia merupakan sisa makanan. Dalam kemeriahan kita meraikan bulan yang mulia ini, tanpa kita sedar kita juga telah menyumbang kepada amalan yang tidak sihat. Malah lebih menyedihkan rekod sepanjang bulan ramadhan dan hari raya menunjukkan peningkatan sebanyak 5-10% jumlah sisa berbanding hari biasa. Masyarakat cenderung berbelanja membeli makanan melebihi keperluan sepatutnya. Masyarakat sepatutnya lebih peka amalan-amalan tidak sihat seperti membuang sampah merata-merata dan pembaziran makanan yang terlalu banyak menyumbang kepada penjejasan kesihatan awam secara amnya di mana sisa makanan yang terlalu banyak ditinggalkan akan menarik perhatian lipas, kucing, anjing, burung dan lain-lain. Malah sisa yang ditinggalkan akan menjadi sumber makanan kepada haiwan vektor seperti tikus dan seterusnya menyumbang kepada berleluasanya penyakit bawaan vektor (*vector borne diseases*) seperti Leptospirosis atau penyakit berpunca dari air kencing tikus, tambah Abdul Rahman.

Hakikatnya juga sikap kita menjadi salah satu punca penjejasan alam sekitar hari ini. Masyarakat wajar mengetahui sisa makanan mempunyai kesan langsung terhadap isu pemanasan global hari ini. Sisa makanan jika dilupuskan di tapak pelupusan, ia akan menyebabkan pembebasan gas metana yang akhirnya menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau yang mengakibatkan pemanasan sejagat dan perubahan iklim; satu fenomena yang akan menjejaskan kesejahteraan alam masa depan. Kadar kelembapan sisa makanan di Malaysia juga agak tinggi, justeru ianya cenderung menyebabkan penghasilan air larut resap (*leachate*) yang banyak. Dan sekiranya tidak diuruskan dengan baik mampu mencemarkan alam sekitar. Abdul Rahman berkata, "inisiatif Kementerian saya pada hari yang turut mendapat sokongan Alam Flora Sdn Bhd dengan mengedarkan pelekat kenderaan *anti litter*, risalah pengurangan sisa makanan dan bubur lambuk dalam bekas khas itu sekurang-kurangnya akan ada kesedaran dari pengguna-pengguna lebuhraya khususnya agar bersama-sama dengan Kerajaan menjayakan hasrat mengurangkan penjanaaan sisa pepejal.

Kerajaan amat berharap masyarakat akan mengamalkan cara hidup yang betul, terutamanya ketika umat islam menyambut bulan ramadhan agar tidak terus membazir. Beli mengikut keperluan, masak secukupnya dan habiskan semua masakan. Tindakan kita ini menjadi faktor penting jika kita ingin mencapai sasaran mengurangkan makanan daripada menjadi sisa pepejal. Buang sampah ditempat sepatutnya dan sayangi alam sekitar ini demi kebaikan kita bersama.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)